

24 OCT 1998

Sulaiman-Laporan

SEMUA NEGERI DIMINTA SERAHKAN LAPORAN PELAN TINDAKAN

SUNGAI PETANI, 24 Okt (Bernama) -- Semua kerajaan negeri diminta secepat mungkin mengemukakan laporan berkaitan pelan tindakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan kepada Kementerian Pertanian, kata menterianya, Datuk Amar Sulaiman Daud.

Katanya ini ialah untuk memudahkan penyelarasan antara kementerianannya dan kerajaan-kerajaan negeri.

"Kementerian mengambil pendekatan yang bersepadu dengan melibatkan semua kerajaan negeri untuk tindakan meningkatkan pengeluaran makanan dan mengurangkan import di negara ini," katanya kepada pemberita selepas melawat projek ubi kayu komersil di sini, hari ini.

Sulaiman berkata laporan itu bakal dijadikan panduan untuk kementerianannya meneliti aspek pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran makanan yang digariskan oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata keberkesanan penyelarasan ini akan mengelakkan berlakunya kekurangan bahan atau kelebihan di satu-satu tempat.

Beliau berkata pihaknya juga akan membantu syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran makanan seperti jagung dan ternakan lembu untuk mengelakkan mereka daripada mengalami sebarang kerugian.

"Ini adalah sebagai insentif kepada mereka untuk melibatkan diri dalam perusahaan pengeluaran makanan secara lebih menyeluruh. Ia juga dilakukan sebagai salah satu cara mengelakkan sebarang risiko," katanya.

Katanya, lebih ramai lagi syarikat digalakkan menceburkan diri dalam perusahaan ini dan pihaknya akan membantu memohon bantuan kewangan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Ditanya mengenai Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Sulaiman berkata "ia adalah belanjawan yang baik untuk menggerakkan pembangunan ekonomi negara,".

Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan akan menyediakan peruntukan berjumlah RM131 juta bagi subsidi baja padi dan tambahan peruntukan sebanyak RM22 juta untuk meningkatkan bantuan baja padi sebanyak RM50 sehektar untuk tahun depan.

Dr Mahathir turut mengumumkan sejumlah RM410 juta diperuntukkan untuk subsidi harga padi sebagai usaha untuk membantu meringankan beban peningkatan kos pengeluaran padi serta menghasilkan pengeluaran padi yang tinggi.

Sulaiman menambah golongan pesawah harus menjadikan belanjawan ini sebagai perangsang untuk lebih produktif lagi dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA

MAN WAT